

EMBARGO: Tidak boleh di-siarkan
sebelum jam 10.00 pagi
pada 19hb. Oktober, 1971.

UCHAPAN Y.B. MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN
LUAR BANDAR, ENCHE ABDUL GHAFAR B. BABA DI-
UPACHARA MERESMIKAN PENOREHAN GETAH RANCH-
NGAN PINGGIR SIMPANG RENGAM, KELUANG PADA
19HB. OKTOBER, 1971, JAM 10.00 PAGI.

Setakat ini Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah mengambil-aleh 19 Ranchangan2 Pinggir daripada Kerajaan2 Negeri meliputi 15,282 ekar yang di-usahakan oleh 2,492 orang peserta untuk di-pulehkan semula.

Beberapa buah daripada ranchangan2 tersebut sudah pun menge-luarkan hasil termasok-lah Ranchangan Pemulehan Tanah Simpang Rengam ini.

Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara akan berusaha membaiki sebanyak 16,000 ekar lagi tanah pinggir yang kurang maju itu.

Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara telah di-beri tugas memajukan 132,560 ekar tanah di-Ranchangan Malaysia Kedua ter-masok Ranchangan Tanah Belia dan juga Ranchangan Tanah Pinggir.

Lembaga ini hanya dapat menjalankan tugas dalam pembukaan tanah ini dengan ada-nya kerjasama Kerajaan2 Negeri bagi menyediakan tanah yang sesuai.

Daripada 132,560 ekar yang telah di-tawarkan oleh Kerajaan2 Negeri kapada Lembaga ini di-dapati 44,610 ekar sahaja yang sudah tentu boleh di-buka. Baki-nya maseh dalam penyiasatan dan kajian mengenai ke-sesuaian-nya untuk pertanian. Ada-lah di-harapkan kajian itu akan dapat di-selesaikan dalam tempoh satu tahun.

Di-Negeri Johor sahaja, Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara akan membuka 51,090 ekar termasok 18,000 ekar Tanah Belia, 27,750 ekar Tanah Pinggir dan 5,340 ekar untuk pemulehan.

Negeri Johor ada-lah salah satu daripada beberapa buah negeri sahaja di-Malaysia Barat yang maseh lagi mempunyai tanah yang luas untuk di-majukan bagi pertanian. Satu daripadanya ia-lah Ranchangan Johor Tenggara.

Beberapa buah kampong2 baru dan juga bandar2 baru akan dapat di-ujudkan dalam projek Johor Tenggara itu kelak. Daerah Keluang dan Kota Tinggi ada-lah dua daerah yang akan mendapat faedah sechara langsung.

Oleh yang demikian saya suka-lah menyeru kapada ra'ayat Negeri Johor supaya menyediakan diri untuk menyertai ranchangan2 yang akan di-jalankan oleh Kerajaan yang sudah pun di-mulakan pada masa ini, bukan sahaja untuk menjadi pekerja2 di-dalam ranchangan2 tersebut, tetapi juga menyediakan diri untuk merebut peluang perniagaan yang akan timbul daripada ranchangan yang di-jalankan itu nanti.

Berbangkit daripada desakan yang di-buat oleh Pergerakan Wanita UMNO dalam seminar-nya di-Morib minggu lalu memohon supaya kaum ibu yang tidak ada suami tetapi mempunyai tanggongan anak yang ramai di-beri peluang menjadi peserta ranchangan2 tanah, saya sudah pun meminta Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan menimbangkan perkara ini.

Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara juga akan menimbangkan permohonan Pergerakan Wanita UMNO supaya di-adakan ranchangan tanah khas untuk belianis saja dalam ranchangan tanah belia di-bawah Ranchangan Lima Tahun Kedua ini.

Kuala Lumpur,
13hb. Oktober, 1971.

EMBARGO: Tidak boleh di-siarkan
sebelum jam 3.00 petang
pada 15hb. Oktober, 1971.

UCHAPAN Y.B. MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA
DAN LUAR BANDAR, ENCHE ABDUL GHAFAR BIN
BABA DI-UPACHARA MERESMIKAN PROJEK PER-
TANIAN SHARIKAT PERINTIS 45 DI-LENGGENG
PADA HARI JUMA'AT, 15HB. OKTOBER, 1971,
JAM 3.00 PETANG.

Sehingga pertengahan tahun ini MARA telah meluluskan 697 permohonan2 untuk membeli jentera2 pembajak yang bernilai lebuh kurang \$2,408,340. Ini tidak termasuk pinjaman yang di-beri kepada Sharikat Perintis 45 ini sebanyak \$10,700 dan di-antara-nya \$2,000 untuk pendaftaran sharikat dan \$8,700 lagi untuk membeli 2 buah jentera pembajak.

Sharikat ini akan membayar balek harga 2 jentera pembajak yang di-berikan oleh MARA dengan chara beransor2 dan apabila bayaran ini telah selesai, jentera pembajak itu akan di-mileki oleh sharikat ini sendiri.

Kebanyakan daripada petani2 tidak mampu hendak menjalankan pertanian sechara modan di-sebabkan kekurangan modal, dan khidmat yang di-buat oleh sharikat ini dapat membantu petani2 dan menchepatkan usaha2 Kerajaan yang menggalakkan petani2 berchuchok-tanam sechara modan.

Petani2 kita menganggap pertanian sebagai chara penghidupan sehari2 dan tidak sebagai kegiatan perniagaan. Sikap ini-lah yang hendak di-ubah dan Kerajaan ada-lah berusaha ka-arah penukaran sikap tersebut.

Bantuan yang di-salorkan melalui MARA, FAMA, Bank Pertanian dan Sharikat Kerjasama kapada petani2 untuk menyelesaikan masaalah kredit, pemasaran, memproses dan pengangkutan ada-lah bertujuan untuk menchapai matlamat tersebut.

Di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua, sebanyak \$155.10 juta ada-lah di-untokkan bagi pemasaran dan kredit pertanian yang di-salorkan melalui beberapa ejensi saperti Bank Pertanian, Lembaga Pemasaran Padi dan Beras dan lain2.

ENCHE GHAFAR BINCHANGKAN PERHUBONGAN EKONOMI
DENGAN MENTERI NEGARA BIDANG EKONOMI, KEWANGAN,
DAN INDUSTRI INDONESIA, SULTAN HAMENGKU BUWONO

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Enche Abdul Ghafar bin Baba telah membinchangkan beberapa perkara mengenai perhubongan ekonomi di-antara Kerajaan Indonesia dengan Malaysia tatkala Menteri Negara Bidang Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia, Sultan Hamengku Buwono mengunjungi beliau di-pejabat-nya semalam. Di-antara-nya ia-lah mengenai penghantaran lebuh ramai penuntut2 MARA ka-Indonesia dalam beberapa jurusan pengajian tinggi.

Pada masa ini ada seramai 69 orang penuntut2 MARA yang sedang menuntut di-Indonesia dan kebanyakannya ia-lah di-Kota Jogjakarta.

Enche Ghafar berharap supaya lebuh ramai penuntut2 MARA dapat di-hantar ka-Indonesia pada masa akan datang dan Menteri Negara Bidang Ekonomi, Kewangan dan Industri Indonesia itu berikrar akan menchuba memenohi kehendak Enche Ghafar Baba itu. Mereka berdua juga telah membinchangkan soal perusahaan pengeluaran kayu yang sedang berjalan pesat bagi kedua2 negara.

Menjawab satu soalan Enche Ghafar berkata walau pun hutan simpan di-bawah kekuasaan Kerajaan Negeri tetapi, Kerajaan Pusat Malaysia tidak mendapat apa2 halangan atau kesusahan bagi mendapatkan sebahagian tanah2 tersebut untuk di-jadikan kawassn pertanian.

Enche Ghafar juga memberi tahu bahawa perusahaan kayu-kayan di-Malaysia ada-lah merupakan sumber hasil negara yang ketiga bersarnya selain daripada penghasilan getah dan bijeh.

Kedua2 Menteri itu perchaya bahawa kerjasama yang lebuh rapat terutama dalam bidang ekonomi akan memberi faedah besar kepada kedua2 negara Indonesia dan Malaysia dan juga mengukohkan kedudukan ekonomi negara2 di-rantau ini.

Uchapan Y.B. Enche Abdul Ghafar bin Baba
Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar di-Perbathasan Pindaan Per-
lembagaan pada 24.2.70 jam 2.30
petang di-Dewan Ra'ayat

Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar banyak menimbulkan silap faham kapada sa-bahagian ra'ayat negeri ini terutama orang2 bukan Melayu yang tinggal di-dalam bandar. Oleh kerana MARA juga dudok di-dalam Kementerian ini telah menimbulkan lebih banyak lagi keraguan orang2 bukan Melayu terhadap Kementerian ini. Oleh sebab itu saya merasa wajib memberi penjelasan untuk menghilangkan keraguan tersebut.

Sebelum saya berchakap dengan lengkap mengenai usaha2 yang di-jalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, saya suka hendak mengambil bahagian memperkatakan soal dalam kontek pembangunan negara yang lebuh luas pada keselurohan-nya.

Yang sebenar-nya satu bangsa Malaysia telah pun lahir di-negeri ini bersama2 dengan lahir-nya kemerdekaan politik pada 31hb. Ogos, 1957 yang lalu.

Tidak ada sa-buah negeri dalam dunia ini yang boleh menchapai taraf kemerdekaan melainkan mesti-lah ada satu kumpulan manusia yang berhak di atas negara itu sendiri. Perlembagaan Malaysia telah pun menentukan siapa-kah di-antara penduduk2 negeri ini yang berhak menjadi ra'ayat yang berkuasa memerintah negeri ini.

Walau pun telah lahir satu bangsa Malaysia di-negeri ini mengikut sebagaimana yang terkandong di-dalam perlembagaan, tetapi apa yang maseh belum dapat di-ujudkan lagi ia-lah satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu di-mana setiap orang itu dapat melupakan soal keturunan-nya masing2. Soal ini-lah yang menjadi perkara yang paling rumit yang telah kita hadapi semenjak tercapai-nya kemerdekaan dan mungkin akan menjadi masalah terus-menerus sehingga beberapa lama yang akan datang, yang boleh menjadi bahaya besar jika tidak di-bendong dengan segera.

Tidak ada sebuah parti politik pun yang dapat memberi jaminan dan menentukan satu tarikh yang tepat bila-kah masaelah perkawinan dapat di-selesaikan. Bagaimana sukar-nya masaelah ini, tetapi Kerajaan yakin ia akan dapat menyelesaikan sekira-nya Kerajaan dapat menyediakan satu jalan yang boleh dan di-ikuti oleh keturunan yang akan datang.

Dasar Kerajaan Perikatan dalam semua jurusan semenjak mula lagi ia-lah bertujuan membentok satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Hanya menerusi dasar Kerajaan Perikatan sahaja-lah semua gulongan ra'ayat negeri ini akan selamat dan tidak ada lagi mana2 gulongan yang patut bimbang.

Penubohan satu bangsa Malaysia yang bersatupadu merupakan satu penyelesaian yang menentukan keselamatan dan keharmonian negara serta ra'ayat yang akan datang. Bukan sahaja orang2 China dan India yang bimbang tentang nasib masa hadapan mereka bahkan juga orang2 Melayu mempunyai perasaan demikian.

Elok rasa-nya kita mengingatkan semua bagaimana kemerdekaan negeri ini telah dapat di-chapai dahulu. Orang2 Melayu telah menerima sokongan daripada orang2 China untuk memudahkan perjuangan menchapai kemerdekaan negeri ini dan mereka itu mesti-lah di-beri taraf kera'ayatan, jika tidak, maka bagaimana-kah mereka mahu bersama2 memperjuangkan kemerdekaan itu dan sebalek-nya pula orang2 Melayu berkehendakkan supaya nasib mereka yang jauh terchichir kebelakang akan dapat di-samakan dengan orang2 yang bukan Melayu. Maka di-sini-lah timbul-nya soal mengadakan perbekalan apa yang di-katakan hak istimewa orang Melayu dalam perlembagaan.

Hak istimewa yang di-berikan kapada orang Melayu itu tidak sekali2 merupakan bahawa orang Melayu menjadi bangsa kelas satu di-dalam negeri ini. Setiap orang ra'ayat ada-lah mempunyai hak yang sama. Hak istimewa ini ada-lah di-gunakan untuk menolong supaya dapat orang Melayu mengambil bahagian yang lebuh banyak dalam lapanagan perniagaan dan perusahaan semata2.

Satu hakikat yang tidak dapat di-persoalkan lagi dalam negeri ini yang mesti di-fahami oleh setiap orang ra'ayat walau dari apa juga pun keturunan hangsa-nya, ia-itu yang pertama kapada

orang2 Melayu, saya suka mengatakan bahawa orang2 yang bukan Melayu yang tinggal di-Malaysia sekarang akan terus kekal tinggal di-sini selama2-nya dan mereka tidak akan berdiam diri jika sekiranya mereka itu hendak di-usir keluar daripada negeri ini. Kapada orang2 bukan Melayu, saya suka mengingatkan bahawa orang2 Melayu pula tidak akan berdiam diri melihatkan nasib mereka dalam lapanan ekonomi sentiasa terchichir kebelakang selama2-nya. Jalan yang sebaik2 yang terbuka di-hadapan kita hanya satu sahaja, iaitu orang2 Melayu hendak-lah menganggap orang2 China dan India itu bukan-nya lagi sebagai orang dagang, tetapi mereka telah menjadi ra'ayat sejati negeri ini dan bagi pehak orang China pula hendak-lah membuka jalan sama ada dengan pertolongan mereka sendiri atau pun menyokong ranchangan2 Kerajaan supaya membolehkan orang Melayu dapat berdiri sama tinggi dengan orang yang bukan Melayu.

Saya berharap bahawa satu hari kelak hak istimewa orang Melayu yang terchatit dalam perlembagaan itu hanya akan menjadi satu sejarah sahaja kapada negeri ini dan tidak akan menjadi persoalan politik lagi. Ini hanya boleh di-chapai apabila kedudukan ekonomi orang2 Melayu telah dapat di-samakan dengan orang2 yang bukan Melayu dan pada waktu itu-lah baru selesai kerja melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu saperti yang saya sebutkan di atas tadi dalam erti kata yang sebenar-nya, di-mana setiap orang telah dapat melupakan asal keturunan-nya masing2.

Walau pun telah banyak ranchangan yang telah di-jalankan untuk memajukan orang2 Melayu, tetapi hasil-nya belum-lah dapat di-chapai dengan sepenuh2-nya, kerana dasar Kerajaan di-samping memajukan orang2 Melayu tidak pula sekali2 hendak menahan atau pun menyekat kemajuan bangsa2 asing. Dalam tempoh 13 tahun tercapai kemerdekaan bangsa yang bukan Melayu bukan-nya bertambah mundor, tetapi sebalek-nya telah menchapai kejayaan yang berlipat kali ganda jika di-bandingkan dengan tempoh 100 tahun di-bawah pemerintahan penjajah dahulu.

Dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama, kerja2 borongan yang telah di-keluarkan berharga lebih kurang \$500 juta. Orang2 Melayu hanya dapat mengambil bahagian sebanyak 1% sahaja. Saya tidak mengatakan bahawa kerja borongan yang baki itu di-bolot oleh bangsa China dan India semata2 kerana sebahagian daripada-nya

telah di-dapati juga oleh saudagar2 yang datang dari luar negeri, tetapi tidak ada siapa pun yang boleh menafikan bahawa kerja2 borongan yang di-dapati oleh orang2 China dan India sudah tentu berpuluhan kali ganda lebih daripada yang di-perolehi oleh orang2 Melayu itu sendiri.

Dalam lapangan pengeluaran permit teksi boleh di-katakan orang2 Melayu berpuas hati, ia-itu di-antara 6,050 permit teksi yang di-keluarkan, lebih kurang 3,347 dari permit itu ada-lah di-keluarkan kepada orang2 Melayu. Tetapi dalam perindusterian pengangkutan yang lain seperti bas dan lori, orang2 Melayu yang mengambil bahagian hanya-lah lebih kurang 20% sahaja.

Sharikat Perkhidmatan Bas yang terdapat di-Malaysia Barat ia-lah 158 buah, dan sharikat yang di-kelolakan oleh orang2 Melayu ia-lah 37 buah dan ini pun termasuk 9 buah sharikat yang di-kendalikan oleh MARA. Ini ada-lah contoh2 rengkas bagaimana jauhnya ketinggalan orang Melayu dalam lapangan perniagaan. Oleh kerana orang2 bukan Melayu telah jauh kehadapan bukan sahaja mereka mempunyai modal, tetapi juga teknikal "know how" dan sebaleknya pula orang Melayu kekurangan modal dan tidak ada pengalaman dalam perniagaan, maka ada-lah satu perkara yang mustahil orang Melayu akan dapat menyampaikan chita2-nya hendak menyamai kedudukan ekonomi orang2 yang bukan Melayu jika tidak dengan mendapat bantuan Kerajaan, maka sebab itu-lah Article 153 dalam Perlembagaan itu terpaksa di-ujudkan.

MARA ada-lah memikul sebahagian daripada tanggong jawab bagi melaksanakan Article 153 dalam Perlembagaan itu. Tujuan MARA bukan-nya hendak menjadikan orang Melayu itu kaya raya seperti yang di-fikirkan oleh orang bukan Melayu selama ini, tetapi MARA ada-lah bertujuan semata2 hendak mendorong atau menggalakkan supaya lebih ramai bilangan orang2 Melayu dapat mengambil bahagian dalam perdagangan dan perindusterian.

Wang yang di-keluarkan oleh MARA kerana membantu ahli2 perniagaan Melayu bukan-nya satu pemberian perchuma atau pun grant kapada mereka, tetapi ia-lah pinjaman atau loan di-mana pinjaman2 itu mesti-lah di-bayar balek dengan mengenakan interest, dan mereka juga di-kehendaki mengadakan chagaran2 di atas pinjaman2 tersebut.

Saya ingin bertanya kepada banker orang China, India dan orang bukan Melayu yang lain yang mempunyai hampir 40 buah bank dengan beratus2 buah chawangan-nya di-merata2 negeri ini sama ada mereka boleh memberi pinjaman wang kepada orang Melayu dengan meletakkan tanah2-nya yang di-dalam kawasan khas Melayu atau menchagarkan rumah2 kayu-nya untuk mendapatkan pinjaman daripada bank2 tersebut.

Bank biasa atau Commercial Bank tidak mahu menerima tanah2 Malay Reservation untuk jadi chagaran pada hal boleh di-katakan 90% tanah2 yang di-miliki oleh orang2 Melayu ia-lah tanah Malay Reservation. Dengan hal yang demikian di-mana-kah tempat-nya yang orang2 Melayu itu boleh meminjam wang untuk menjalankan perniagaannya? Oleh sebab mereka tidak dapat menchagarkan tanah2-nya kepada Commercial Bank, maka sebab itu-lah MARA di-tubohkan dan menerima tanah2 mereka itu sebagai chagaran. Jika sekira-nya Commercial Bank boleh menerima tanah Malay Reservation sebagai chagaran, maka bahagian pinjaman MARA tidak perlu di-tubohkan.

Bukan sahaja dalam perniagaan bahkan di-dalam bahagian latehan pun wang2 yang di-belanjakan untuk memberi latehan kapada pemuda-pemudi Melayu ada-lah sebagai loan juga. Penuntut2 yang dapat biasiswa MARA terpaksa membayar balek apabila mereka telah lulus daripada universiti. Penuntut2 dalam ITM juga yang berkemampuan ada-lah di-minta membayar perbelanjaan waktu mereka menuntut.

Ranchangan2 perusahaan MARA yang lain seperti mendirikan kilang2, mengadakan kenderaan bas di-luar bandar semua-nya itu akan di-jual kapada orang2 Melayu dan wang-nya itu akan di-pulangkan balek kepada Kerajaan dan bukan-nya ranchangan2 itu akan di-berikan perchuma kapada orang2 Melayu seperti yang banyak di-sangka-kan oleh orang yang bukan Melayu selama ini.

Walau pun MARA bertujuan untuk menolong meramaikan lagi orang Melayu mengambil bahagian dalam perniagaan, tetapi sebahagian besar projek2 yang di-lancharkan oleh MARA ada-lah juga memberi faedah kapada orang yang bukan Melayu. Boleh di-katakan hampir2 semua kilang2 yang di-dirikan oleh MARA ada-lah di-bina oleh kontrektor2 bangsa China.

Di-antara \$14 juta nilai harga bangunan yang telah di-dirikan oleh MARA hampir2 80% dari kerja2 itu di-buat oleh pemborong2 bangsa China.

Selain daripada itu MARA juga ada mengeluarkan biasiswa kepada orang2 China dan India yang miskin serupa saperti orang2 Melayu. Sehingga ini, 42 orang anak2 bukan Bumiputra telah mendapat pinjaman biasiswa dan 18 orang pula mendapat biasiswa se secara langsung. Kekurangan orang2 Melayu di-dalam bidang professional sangat-lah jelas. Misal-nya di-bidang kedoktoran dan kejuruteraan sahaja di-antara 1,045 orang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan bilangan doktor dan jurutera Melayu hanya-lah 96 orang.

Tuduhan setengah2 pehak yang mengatakan bahawa MARA menolong segelintir orang Melayu itu tidak-lah benar kerana MARA ada-lah memberi pertolongan kapada siapa sahaja orang2 Melayu yang ingin mencheborkan diri dalam perniagaan dan orang2 yang mempunyai perniagaan yang besar ada-lah di-galakkan meminjam wang daripada Commercial Bank atau pun daripada MIDF.

Dalam tempoh 10 tahun orang Melayu hanya baru dapat pinjaman wang daripada MARA lebeh kurang \$70 juta sahaja, tetapi sebaleknya MIDF telah meluluskan 494 pinjaman berjumlah \$205,195,000 di-antara-nya \$1F5,882,000 telah pun di-keluarkan dalam tempoh 5 tahun. Kebanyakan daripada peminjam2 ini terdiri daripada orang2 bukan Melayu. Kalau kita siasat peminjam2 wang daripada Commercial Bank termasuk Bank Bumiputra sendiri, maka tak dapat tidak ra'ayat negeri ini akan terkejut melihatkan bagaimana-kah besar-nya perniagaan orang2 China dan India itu berbanding dengan orang2 Melayu yang semata2 dapat meminjam wang daripada MARA sahaja.

Orang2 Melayu tidak merasai iri hati di atas kejayaan yang di-chapai oleh orang2 China. Apa yang di-kehendaki oleh orang Melayu hanya mengharapkan supaya orang2 Melayu juga dapat mengambil bahagian saperti orang2 China itu. Misal-nya bilangan kontrektor2 semua kelas yang berdaftar di-Kementerian Kerja Raya dan di-Pejabat Kerja Raya Negeri semua-nya berjumlah 5,510 orang dan di-antara mereka, 3,823 orang bukan Melayu.

Saya berharap sangat dukachita dalam pilehan raya tahun 1969 yang lalu, parti pembangkang yang terdiri daripada orang China

dan India telah menjadikan MARA sebagai modal-nya yang besar untuk menunjukkan kepada pengundi2 China dan India bahawa MARA ini adalah satu badan yang hendak merampas perniagaan orang China dan India di-dalam negeri ini. Saya suka menyatakan di-sini bahawa MARA ada-lah menjalankan dasar pintu terbuka. Sekelian projek yang di-lancharkan semua-nya di-umumkan kepada orang ramai. Kerana wang ini ada-lah daripada peruntukan wang Kerajaan di-mana ahli2 Dewan Ra'ayat boleh menyocal di-dalam Dewan ini. Di-dalam Pejabat MARA pun ada di-dapati pekerja orang2 China dan India, maka dengan sebab itu-lah tidak ada apa2 rahsia pun yang boleh di-sorokkan di-dalam MARA ini. Jika ada siapa2 yang ingin mengetahui kerja MARA lebih lanjut saya sedia memberi penerangan dengan seluas2-nya.

Pembangunan luar bandar pula tidak-lah sekali2 terhad faedah-nya kapada satu bangsa sahaja, tetapi ada-lah di-nekmati oleh semua ra'ayat yang tinggal di-luar bandar termasuk-lah juga orang2 China dan India. Ada lebeh kurang sebanyak $2\frac{1}{2}$ juta orang2 China dan India yang tinggal di-luar bandar yang sama mendapat nekmat dari-pada ranchangan luar bandar bersama2 dengan orang Melayu. Bahkan ranchangan2 yang di-jalankan di-luar bandar memberikan keuntungan yang besar kapada orang bukan Melayu, kerana mereka-lah yang menjadi pemberong2 bagi mendirikan rumah2 ibadat, sekolah2, klinik2, balai2 raya, taliayer, jalan2 raya, bekalan ayer, api dan sebagainya kerana belum ramai lagi orang Melayu yang mempunyai kebolehan menjalankan kerja2 kontrek saperti itu. Satu bukti yang jelas yang boleh saya tunjukkan ia-lah pembinaan bangunan2 perniagaan MARA. Semenjak tahun 1968 MARA telah membelanjakan \$2,932,424.95 untuk mendirikan bangunan2 perniagaan. Seramai 23 orang pemberong2 Melayu yang mendapat jumlah kerja kira2 \$727,380.93 dan dua orang pemberong champoran (Melayu/China) mendapat sejumlah \$825,946.54. Sementara 11 orang pemberong2 China telah mendapat jumlah kerja \$1,379,097.48.

Sunggoh pun kemudahan yang di-sediakan itu ia-lah untuk orang2 Melayu, tetapi orang2 bukan Melayu juga ada-lah mendapat faedah dari segi yang lain. Orang2 China dan India juga ada-lah di-beri peluang mengambil bahagian dalam ranchangan tanah, tetapi malang-nya terlalu sedikit orang China yang mahu mengambil bahagian dalam ranchangan tanah LKTP. Mungkin orang China menganggap bahawa keuntongan yang di-perolehi daripada ranchangan LKTP terlalu sedikit bagi mereka. Hanya kira2 5% sahaja orang China yang mahu menyertai

ranchangan ini. Tetapi sebaleknya orang Melayu telah berlumba2 memasuki ranchangan ini kerana kedudukan mereka di-kampong2 ada-lah sangat mendesak sekali.

Setengah2 parti pembangkang mendakwa hendak menjadi juara kapada orang2 miskin di-dalam negeri ini dan setengahnya mendakwa diri-nya sebagai sebuah parti socialist tetapi dalam pilehan raya 1969 yang lalu mereka telah memutar belitkan ranchangan FAMA hendak menolong penangkap2 ikan di-dalam negeri ini. Ada-kah patut sekati ikan di-jual 35 sen di-pasar Kuala Lumpur sedangkan penangkapan ikan yang menggadaikan nyawa-nya di-tengah lautan hanya mendapat bayaran sebanyak 5 sen sahaja.

Saya telah menchadangkan supaya badan pemasaran ikan ditubuhkan bagi menolong nelayan2 yang malang itu. Saya tidak ber maksud sama sekali dalam soal ini hendak menolong satu bangsa sahaja kerana hanya 55% sahaja penangkap ikan di-negeri ini yang terdiri daripada orang Melayu dan baki-nya yang 45% itu ia-lah terdiri dari-pada orang2 China yang juga menanggong nasib yang malang saperti penangkap2 ikan orang Melayu. Ranchangan pemasaran ikan itu ada-lah bertujuan untuk menolong semua nelayan dengan tidak kira asal keturunan mereka masing2, tetapi parti pembangkang telah mengelirukan orang2 China di-dalam bandar dengan mengatakan bahawa FAMA ada-lah sebuah badan orang2 Melayu yang hendak menghapuskan peniaga2 ikan daripada bangsa China. Ini ada-lah satu chontoh bagaimana parti2 pembangkang telah memainkan semangat perkauman sedangkan mereka konon-nya mendakwa diri-nya sebagai sebuah pertubuhan tidak perkauman.

Satu chontoh lagi baru2 ini pehak pembangkang telah menuduh Kerajaan menambah pasukan2 ashkar dan polis dengan mengambil hanya pemuda2 bangsa Melayu sahaja. Di-dalam pilehan raya yang telah berlangsung pada tahun 1964 dan juga dalam tahun 1969 parti2 tersebut itu juga-lah yang telah menakut2kan orang China di-dalam New Village dengan mengatakan bahawa mengundi Parti Perikatan berma'ana membunch anak muda mereka sendiri kerana Kerajaan Perikatan akan memaksa anak mereka menjadi ashkar untuk di-hantar ka-Sarawak dan ka-Sabah. Bagaimana-kah pendirian parti pembangkang ini yang sebenar-nya tidak-lah di-ketahui. Parti yang di-anggotai oleh orang2 China saperti DAP dan Gerakan memberi tahu orang2 China bahawa Kerajaan Perikatan ada-lah sebuah Kerajaan yang semata2 untuk memeningkan orang Melayu sahaja, tetapi di-luar bandar, di-kawasan yang

ramai orang Melayu, Parti PAS sebaleknya pula menuduh bahawa Kerajaan Perikatan bukan-nya menolong orang Melayu tetapi ia-lah sebuah Kerajaan yang hendak mengkayakan lagi orang2 China. Dengan ada-nya pendirian yang begitu jauh beza-nya di-antara parti2 yang di-dukung oleh orang2 China dengan Parti PAS yang di-dukung oleh oleh orang Melayu, maka orang ramai akan dapat memahami bagaimana-kah pendirian Kerajaan Perikatan yang sebenar2-nya.

Pindaan perlembagaan ini tidak-lah dapat menjamin hendak menghapuskan sama sekali semangat perkauman, tidak ada undang2 yang boleh di-gubal yang boleh menghapuskan semangat perkauman. Tujuan pindaan perlembagaan ini hanya semata2 hendak mengurangkan sebanyak2 yang boleh semangat perkauman daripada dapat berkembang dengan berleluasan yang akan menimbulkan bahaya yang buruk.

Sekali pun kedudukan ekonomi orang Melayu dapat di-samakan dengan orang yang bukan Melayu tetapi itu pun belum boleh menjamin bahawa semangat perkauman sebenar2-nya telah dapat di-hapuskan, tetapi usaha yang saperti itu ada-lah merupakan usaha yang sehabis2 dekat sekali yang boleh di-chapai untuk menolong membendong semangat perkauman. Maka dengan sebab itu usaha menyamakan kedudukan ekonomi semua bangsa dalam negeri ini ada-lah merupakan satu sharat mutlak bagi kema'amoran Malaysia yang akan datang dan dengan tidak ada tolak ansor-nya lagi.

Kerajaan Perikatan pada mula2-nya merasai bangga kerana daripada mula2 lagi negara ini menchapai kemerdekaan pemerentahan-nya telah dapat di-jalankan mengikut chara demokrasi yang sama taraf-nya dengan demokrasi yang berjalan di-Great Britain atau lain2 negeri yang jauh lebeh tua dalam dunia ini bahkan sebahagian besar negara di-dalam dunia menganggap Malaysia sebagai bintang timor di-kawasan dunia sebelah sini yang mempunyai chahaya yang bergemerlap tetapi malang tujuan murni Parti Perikatan tidak terchapai dengan sapenoh2-nya kerana kebebasan berchakap yang boleh membawa kapada pergaduhan terpaksa di-sekat berikut dengan ada-nya peristiwa berdarah yang berlaku pada 13 Mei, 1969 itu. Tidak ada faedah-nya sekarang ini kita hendak membanggakan diri mempunyai pemerentahan demokrasi yang sataraf dengan negeri2 lain saperti Great Britain jika sekira-nya demokrasi itu berakhir dengan mengorbankan jiwa raayat negeri ini. Maka dengan sebab itu jelas-lah kapada kita sekarang bahawa tujuan pindaan

perlembagaan ini ia-lah hendak menghidupkan semula demokrasi dalam bentuk baru dengan tujuan hendak menyelamatkan nyawa raayat negeri ini, dan bukan sebalek-nya.

Ada orang menchadangkan supaya parti2 perkauman di-hapuskan. Misalnya UMNO, MCA dan MIC hendak-lah di-bubarkan dan di-gantikan dengan sabuah parti baru di-mana ahli2-nya terdiri dari semua bangsa. Membubarkan parti2 tersebut memang senang tetapi siapa-kah yang boleh menahan ahli2 daripada parti tersebut untuk menubohkan semula parti yang berchorak Melayu atau yang berchorak China atau yang berchorak India saperti yang ada sekarang ini juga?

Jika raayat di-paksa memasuki sa-suatu parti maka itu adalah bertentangan dengan prinsip2 demokrasi. Raayat tidak boleh di-paksa dengan undang2 untuk menjadi ahli mana2 parti juga pun. Raayat harus di-beri kebebasan memilih fahaman politik-nya masing2.

Parti2 yang telah menchuba membukakan pintu-nya kapada semua bangsa belum lagi dapat menunjukkan kejayaan bahkan parti2 tersebut maseh lagi merupakan sabuah parti yang di-dekong oleh satu kaum juga.

Saya sendiri merasai sukahita bahkan ada-lah menjadi impian saya sendiri untuk melihat satu hari kelak bahawa semua parti politik dalam negeri ini akan di-anggotai oleh semua bangsa dan tidak saperti yang berlaku pada hari ini. Tetapi hal ini hanya dapat di-chapai dengan satu sharat yang terpenting ia-itu kedudukan ekonomi yang tidak sa-imbang di-antara kaum mesti di-hapuskan lebeh dahulu.

Dalam pilehan raya dahulu juga parti2 pembangkang telah menda'ayahkan kapada orang2 China dalam bandar bahawa Kerajaan Perikatan memungut chukai daripada orang2 China untuk membiayai perbelanjaan bagi meninggikan taraf hidup raayat di-luar bandar. Peniaga2 kecil telah di-zalimi dengan mengenakan development tax tetapi mereka lupa bahawa satengah2 penduduk2 di-luar bandar saperti peneroka2 di-tanah ranchangan LKTP yang kebanyakkan-nya ia-lah orang2 Melayu juga terpaksa membayar development tax itu. Parti2 ini mengaku diri-nya sebagai Parti Socialist dan perjuangan-nya tidak berasaskan kapada keturunan darah-nya tetapi sebalek-nya mereka-lah yang telah membangkitkan semangat perkauman dengan mengatakan pehak Kerajaan memungut chukai daripada orang China untuk menolong orang2 Melayu. Ini menunjukkan bahawa pengakuan mereka sa-buah parti socialist berlawanan dengan apa yang di-amalkan-nya. Saya

sendiri menyokong untuk memungut chukai daripada orang2 Melayu yang mampu membayar-nya untuk menolong orang2 China yang miskin maka begitu-lah pula sebalek-nya orang2 China dan India yang mampu patut-lah membayar bagi menolong orang2 miskin dengan tidak mengira apa juga bangsa-nya.

Orang2 Melayu baru sahaja hendak mula memasuki alam perniagaan dan perusahaan sedangkan orang2 China dan India boleh di-katakan telah memenchi semua lapangan2 perniagaan dalam semua perengkat di-negeri ini dan jika sekira-nya orang2 China dan India tidak mahu membuka peluang kapada orang2 Melayu untuk mengambil bahagian bersama2 maka tak dapat tidak perselisihan perkauman akan berlaku juga akhir-nya di-negeri ini. Dan jika sekira-nya perkara ini berlaku semua pehak akan menerima akibatnya.

Segala rancangan yang di-jalankan di-bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang saya laksanakan sekarang ini bukan-lah rancangan2 mengikut kehendak saya sendiri tetapi ada-lah semua-nya itu mendapat persetujuan daripada Kabinet yang mengandungi semua bangsa dan begitu juga mendapat persetujuan daripada Dewan Raayat dan Dewan Negara yang juga di-anggotai oleh semua bangsa. Ini berarti semua rancangan itu di-laksanakan mengikut kehendak semua bangsa untuk kepentingan semua raayat dan bukan-nya untuk satu bangsa ia-itu bangsa Melayu sahaja seperti yang di-tuduh oleh pehak2 pembangkang.

Siapa pun tidak boleh menafikan. Penduduk2 luar bandar jauh lebeh miskin daripada penduduk dalam bandar dan tidak ada siapa juga yang boleh menafikan bahawa kemiskinan bukan-nya ada di-kalangan orang2 Melayu sahaja tetapi kemiskinan juga ujud di-kalangan orang2 China dan juga orang2 India. Oleh sebab itu Kerajaan ada-lah bertujuan untuk menolong semua pehak yang tidak berada dengan tidak mengira asal keturunan mereka masing2.

Kita tidak mahu melihat bahawa satu2 bangsa mendapat kekayaan dalam satu jenis perusahaan dan satu bangsa yang lain mendapat kemajuan dalam satu lapangan yang lain pula. Misalnya sa-orang Melayu yang ada mempunyai wang banyak dan berpuas hati dengan kehidupan-nya tidak akan berpuas hati juga apabila melihat gudang2 yang besar dalam bandar itu di-mileki oleh satu bangsa semata2. Dengan lain2 perkataan kita mahu melihat semua bangsa dapat mengambil bahagian bersama2 dalam tiap2 jenis perusahaan. Orang2 China telah jauh maju dalam perniagaan dan

juga lebeh jauh maju dalam pertanian. Orang2 Melayu pula boleh dikatakan mendapat sedikit kemajuan dalam lapangan pertanian tetapi sangat jauh ketinggalan kebelakang dalam soal perdagangan dan perusahaan, maka sebab itu-lah Kerajaan bertindak dengan berbagai2 chara saperti menubohkan MARA bagi menggalakkan supaya lebeh ramai orang Melayu berkechimpong dalam lapangan perusahaan saperti orang2 China dan India.

Segala usaha yang di-jalankan oleh Kerajaan Perikatan daripada semenjak tertubohnya Perikatan 20 tahun yang lalu semuanya menuju kapada satu matlamat untuk melahirkan satu bangsa Malaysia yang bersatu dalam erti kata yang sabenar2-nya tetapi malang-nya peristiwa 13 Mei telah terjadi sabelum chita2 yang baik itu terlaksana. Tetapi walau bagaimana pun Kerajaan Perikatan tidak akan berputus asa dan akan meneruskan kerja2 baik-nya itu selagi di-kehendaki oleh raayat sa-hingga tercapai tujuan-nya dengan sapanoh2-nya.

Orang2 China menaroh perasaan bimbang bahawa pada satu hari kelak orang Melayu akan dapat mengatasi kedudukan ekonomi mereka tetapi orang2 China juga hendak-lah sedar bahawa orang Melayu juga menaroh persaan yang lebeh bimbang. Kebimbangan orang Melayu bukan sahaja mereka takut tidak dapat menyayangi kemajuan ekonomi orang2 China bahkan mereka lebeh bimbang kekuasaan politik yang ada di-tangan-nya sekarang ini juga akan terlepas dari pada-nya.

Ha-nya dengan memberikan peluang kapada semua pehak mendapat pembahagian rezeki yang adil sahaja yang dapat menghilangkan kebimbangan kedua2 belah pehak itu. Maka sebab itu-lah Kerajaan berusaha untuk menolong orang2 yang tidak berada di-dalam negeri ini.

Saya menyeru parti2 politik di-dalam negeri ini supaya lebeh mementingkan soal negara dan soal keselamatan raayat daripada menimbulkan persengketaan semata2 untuk memenangi beberapa kerusi di-dalam pilehan2 raya.

Kerajaan Perikatan tidak memperhetongkan soal kalah atau menang pilehan raya 1976 yang akan datang tetapi kami lebeh mementingkan soal keselamatan negara dan raayat dan anak chuchu chichit kita yang akan datang.

Sebahagian besar daripada sebab berbangkit-nya kekachauan perkauman di-negeri ini ia-lah kerana ada-nya parti2 politik yang mendapat arahan daripada luar negeri dan mereka itu tidak bertindak

mengikut suasana politik atau pun keadaan2 yang ada di-dalam negeri ini sendiri. Perbuatan ini merbahaya sekali dan mesti di-berhentikan dengan serta merta. Jika berbangkit kekachauan dan kehanchoran ekonomi Malaysia maka ia-nya akan melibatkan juga kejatchan ekonomi negeri yang berhampiran dengan-nya.

Malaysia sedia bersahabat dengan mana2 negeri jua pun tetapi Malaysia tidak akan berdiam diri berpelok tuboh melihat sahaja perbuatan setengah2 negeri luar yang hendak menghanchorkan negeri ini. Pada fikiran saya persahabatan di-antara negeri2 yang berjiran ada-lah lebuh menguntongkan kerana ia-nya akan dapat menolong berjuta2 raayat dalam negeri masing2.

Walau pun Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah menguntukkan di-antara 10 hingga 20 peratus modal perniagaan dalam negeri ini mesti di-untokkan kapada orang2 Melayu tetapi berapa banyak sahaja-kah peruntukan itu yang telah di-ambil oleh orang2 Melayu.

Mengikut kajian yang di-buat lebuh kurang 1,900 juta yunit saham ada-lah di-perdagangkan di-pasaran saham Malaysia dan Singapura. Di-antara 1,900 juta yunit itu saham2 yang di-mileki oleh orang2 Melayu hanya-lah di-antara 5% hingga 8% sahaja.

Ada pula setengah2 perniagaan di-mana orang2 Melayu tidak dapat peluang langsung. Ini ada-lah di-sebabkan kerana perniagaan saperti ini telah di-monopoli oleh orang2 bukan Melayu. Saperti perniagaan hotel, di-Malaysia Barat daripada 671 buah hotel yang mengandungi hampir2 3,460 bielek yang mempunyai taraf pelanchongan tidak satu pun yang di-usahakan oleh orang Melayu. Ini ada-lah satu bukti terang menunjukkan bagaimana-kah orang2 Melayu itu tidak mempunyai kemampuan hendak mengadakan modal dan bukan-nya sebab kerana orang Melayu tidak mahu berniaga atau pun tidak mahu bersama2 berniaga dengan orang2 yang bukan Melayu, tetapi sebalek-nya walau pun tidak ada penyertaan daripada orang Melayu, **orang China dan India** ada-lah di-benarkan terus berniaga. Ini ada-lah satu bukti menunjukkan pehak Kerajaan tidak mahu menyekat perkembangan ekonomi orang2 yang bukan Melayu di-negeri ini.

Saya berharap seluroh negeri ini akan membuat pertimbangan yang seadil2-nya dengan seberapa chermat yang boleh untuk memilih satu jalan yang sebenar2-nya yang boleh menyelamatkan diri kita masing2 dalam satu jangka yang jauh kehadapan. Kesilapan kita, walau pun sedikit akan membawa akibat yang sangat buruk dan boleh

menghanchorkan negara dan menghanchorkan diri kita sendiri dan pada pandangan saya jalan yang sedang di-bentangkan oleh Perikatan selama ini-lah jalan yang sebaik2-nya.

Tuntutan orang2 bukan Melayu supaya di-hapuskan Clause 153, mengenai Hak Istimewa Melayu itu ada-lah serupa keadaan-nya dengan tuntutan setengah2 orang Melayu supaya di-tarek balek kerakyatan yang telah di-berikan kepada mereka. Jika orang2 bukan Melayu tidak mahu meluchutkan hak kerakyatan-nya, maka begitu pula-lah orang Melayu tidak akan mahu menghapuskan Clause 153 itu.

Sepanjang yang mengenai Kerajaan Perikatan, Clause 153 itu akan saya gunakan bukan-nya untuk menindas orang bukan Melayu tetapi ada-lah untuk tujuan yang baik bagi melahirkan satu bangsa yang bersatu dengan chara menyamakan kedudukan ekonomi semua bangsa di-negara ini.
